

Perundangan Halal di Malaysia



Nafidah Mohd Hasan
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Kolej Profesional Baitulmal KL
nafidah@kpbkl.edu.my

Malaysia diiktiraf sebagai peneraju dalam industri halal antarabangsa berdasarkan kedudukan Malaysia dalam Penunjuk Ekonomi Islam Global bagi lima tahun berturut-turut seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ekonomi Islam Global 2018/2019.

Sokongan dan inisiatif daripada kerajaan serta komitmen yang diberikan oleh pemain industri telah meletakkan Malaysia kepada kedudukan semasa. Sokongan kerajaan ini turut dimanifestasikan melalui perundangan, dokumen rujukan dan Standard Halal Malaysia yang dibangunkan bagi tujuan pemantapan ekosistem halal.

Pensijilan halal bagi tujuh skim halal di Malaysia perlu mematuhi ketetapan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Standard Halal Malaysia dan juga perundangan berkaitan. Merujuk kepada aspek perundangan, tiada undang-undang spesifik atau “Akta Halal” bagi mengawal hal-hal berkaitan halal di Malaysia. Justeru, rujukan perlu dibuat kepada perundangan yang pelbagai.

Perundangan yang berkaitan dengan industri halal di Malaysia merangkumi Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985, Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Binatang 1953, Akta Makanan Haiwan 2009, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan lain-lain yang kebanyakan peruntukan perundangannya adalah berkaitan dengan aspek *thoyyiban* dalam halal tersebut.

Halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) adalah satu Akta untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan,

pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan. Melalui Seksyen 28 APD 2011, lahirlah perundangan subsidiari iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. PPD (Takrif Halal) 2011 tersebut dilihat memberi perlindungan kepada pengguna Muslim khususnya daripada apa-apa perbuatan yang memperdayakan status halal. Menurut Perenggan 4 PPD (Takrif Halal) 2011 tersebut, mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal boleh disabitkan melakukan suatu kesalahan". Representasi atau perbuatan mengelirukan ini termasuklah penggunaan ayat-ayat suci al-Quran atau apa-apa perkara atau objek yang berhubung dengan agama Islam di premis atau di bekas di mana makanan itu dibekalkan. Sebagai contoh, premis tersebut menawarkan makanan yang tidak halal tetapi pekerjaanya memakai songkok, tudung atau terdapat bingkai dengan kalimah Allah atau ayat suci al-Quran yang lain. Perkara ini memberi gambaran kepada pelanggan seolah-olah makanan yang dijual di premis tersebut adalah halal. Sabit kesalahan, syarikat terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5 juta dan sekiranya dilakukan oleh individu bukan syarikat, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Seksyen 29 APD 2011 pula memberi kuasa kepada Menteri untuk menamakan pihak berkuasa berwajib dalam perakuan dan penandaan halal. Pihak berkuasa berwajib yang dinamakan oleh Menteri adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sahaja. Justeru, semua makanan, barang-barang dan perkhidmatan tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan diperakukan oleh JAKIM atau MAIN/JAIN dan menggunakan logo halal Malaysia sahaja. Peruntukan perundangan ini menamatkan segala amalan perakuan halal daripada badan pensijilan halal swasta atau syarikat dan/ atau individu pengeluar (*self-declaration*).

Bagi makanan dan barang-barang import pula, rujukan perlu dibuat kepada Perenggan 5 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Semua makanan dan barang-barang import yang dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan ia diperakukan halal oleh JAKIM/MAIN atau diperakukan halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM. Sehingga setakat ini, terdapat 81 badan pensijilan halal luar negara daripada 45 buah negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

Sebagai kesimpulannya, peruntukan perundangan terutamanya di bawah APD2011 adalah jelas dan memadai untuk melindungi dan menjaga kepentingan pengguna Muslim. Namun, masih ramai pengguna Muslim yang cenderung kepada gaya hidup semasa (*trend*) dalam pemilihan makanan, barangan atau perkhidmatan

dengan mengeneipkan status halalnya. Oleh itu, marilah bersama-sama kita menjadi pengguna yang lebih selektif dan proaktif dalam membuat pemilihan serta meletakkan tuntutan agama sebagai panduan utama.